NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#24

25 Julai 2024 – 31 Julai 2024

PENULIS NEXUS
KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

Langkah Sumbang Paris di Sukan Olimpik 2
Masa Depan Rangkaian 5G Bercelaru 4
Polemik Derma Syarikat Arak Kepada Sekolah 6
Cuaca Panas Ancam Sektor Penanaman Padi 9
Liberalisasi Bekalan Elektrik: Baik atau Buruk? 11
Perlesenan Media Sosial Bersifat Drakonian 14

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Langkah Sumbang Paris di Sukan Olimpik

- Sukan Olimpik baru sahaja memulakan aksinya. Kali ini Paris menjadi tuan rumah bagi kali yang ketiga selepas edisi tahun 1900 dan 1924. Sukan yang sepatutnya menjadi **lambang perpaduan** bangsa dan negara ini dilihat bermula agak sumbang semenjak proses pemilihan tuan rumah.

- Ketika di ambang pembukaan kejohanan ini, beberapa kontroversi telah tercetus. Penduduk bandar raya Paris mengancam untuk membuang air besar di Sungai Seine sebagai **tanda protes** tidak berpuas hati dengan kos pembersihan dan penyelenggaraan sungai itu.

- Media melaporkan lebih daripada 1.4 bilion Euro (RM7.05 bilion) telah dibelanjakan untuk merawat air sungai itu yang menjadi tempat acara triatlon dan renang air terbuka dilangsungkan. Bagaimanapun, air sungai terbabit masih menunjukkan tanda tidak selamat dan terlalu kotor untuk berenang. Malahan acara acara triathlon lelaki terpaksa ditunda beberapa jam sebelum bermulanya acara itu.

- Paris 2024 turut terpalit dengan kontroversi yang dicipta oleh penganjur sendiri. Jawatankuasa Olimpik Perancis telah **melarang seorang atlet berhijab** daripada mewakili negaranya pada upacara pembukaan. Larangan yang dikenakan terhadap pelari pecut negara Perancis bernama Sounkamba Sylla bolehlah disifatkan sebagai tindakan tidak menghormati kebebasan agama dan juga pengasingan yang ketara.

- Keputusan ini mendapat kecaman daripada peninju wanita Muslim pertama yang mewakili Australia di Sukan Olimpik, Tina Rahimi serta Rusia. **Rusia dan Belarus** juga turut dilarang menyertai Olimpik Paris kerana penglibatan mereka dalam perang Ukraine yang sedang berlangsung. Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) memaklumkan hanya 15 atlet dari Rusia dan 18 dari Belarus akan bertanding sebagai "Atlet Neutral Individu" (AIN).

- Namun dalam pada masa yang sama, IOC masih terus **membenarkan 88 atlet Israel** menyertai walaupun ditentang hampir seluruh dunia. Masyarakat dunia jelas menzahirkan mereka menentang penglibatan Israel apabila mereka melaungkanan 'Bebaskan Palestin' ketika lagu kebangsaan Israel berkumandang.

- Malahan atlet Israel akan menerima perlindungan sepanjang masa daripada unit pakar elit polis Perancis, sebagai tambahan kepada langkah keselamatan yang dipertingkatkan yang mereka sediakan.

- Beberapa sikap yang ditunjukkan penganjur di awal permulaan kejohanan Olimpik ini menunjukkan acara sukan antarabangsa ini sudah semakin menyimpang dan bercanggah daripada semangat dan matlamat yang ditetapkan oleh gerakan Olimpik di Paris lebih 100 tahun lalu.

- Mungkin sudah tiba masanya kesemua negara yang cintakan kedamaian memulakan langkah yang sepatutnya untuk mengembalikan semangat olimpik yang dibina sekian lama.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-dunia/olimpik-paris-2024-rusia-kritik-larangan-atlet-berhijab-dalam-upacara-pembukaan-480943
- https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2024/07/1277562/sungai-seine-tercemar-penganjur-paris-2024-batal-latihan-pertama
- https://www.sinarharian.com.my/article/677839/berita/nasional/majlis-pembukaan-sukan-olimpik-2024-cara-hidup-songsang-tidak-harus-ditonjolkan
- https://berita.rtm.gov.my/sukan/senarai-berita-sukan/senarai-artikel/lebih-ramai-atlet-rusia-dan-belarus-tolak-jemputan-sertai-paris-2024-bawah-bendera-neutral

Masa Depan Rangkaian 5G Bercelaru

- Baru-baru ini, seorang ahli ekonomi berpandangan bahawa mendirikan **rangkaian 5G tambahan** akan meningkatkan kos modal kerana ia telah mewujudkan keperluan infrastruktur yang melebihi keperluan. Apatah lagi kos ini akan akhirnya ditanggung oleh pelanggan. Ini sebenarnya telah mengulang komentar dan ulasan yang dibuat antaranya oleh pakar dalam bidang internet, Dr Mohamed Awang Lah.

- Bagi mengelakkan kerajaan mencipta lebih banyak masalah baru, beliau mencadangkan agar satu **perkongsian infrastruktur** diwujudkan untuk digunakan oleh penyedia perkhidmatan internet. Ini bagi mengelakkan pertindihan dan meningkatkan kos kepada pengguna.

- Namun jika kerajaan meneruskan juga cadangan untuk mewujudkan dwirangkaian 5G, kerajaan dicadangkan untuk fokus rangkaian kedua meliputi 20% yang tidak diliputi oleh Digital Nasional Berhad (DNB). Selain itu, pengendali kedua harus mempunyai akses kepada infrastruktur pengendali pertama sama ada di kawasan luar bandar atau bandar. Apabila infrastruktur dibina di kawasan luar bandar, kedua-dua pihak boleh berkongsi infrastruktur tersebut.

- Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia pula meminta kerajaan **menangguhkan pelaksanaan** dwirangkaian 5G bagi menilai semula implikasi kewangan dan mengurangkan pertindihan yang tidak perlu.

- Kerajaan terdahulu mewujudkan kerangka baru - dwirangkaian 5G di atas alasan mengelakkan monopoli untuk menggalakkan persaingan dalam kalangan penyedia perkhidmatan. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan dwirangkaian sekarang, tidak jelas bagaimana kerangka ini dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan berpatutan kepada pengguna. DNB pula dijangka menjadi gajah putih.

- Tentang DNB, menurut Dr Mohamed, berlaku kemungkinan wujudnya **pertembungan kepentingan** apabila sebahagian penyedia perkhidmatan sahaja menjadi pemegang saham dalam DNB. Sepatutnya DNB beroperasi secara neutral (bebas) - pelanggan (penyedia perkhidmatan) tidak menjadi pemegang saham.
- Justeru, dalam keadaan sekarang, kita akan melihat ada kawasan yang wujud 4 batang tiang penyedia fiber di satu tempat. Ini adalah tidak produktif dan membazir wang rakyat. Terkini, kita sedang menuju 6G dan kemungkinan besar akan ada lagi perubahan di masa hadapan, kerajaan perlu memikirkan mekanisme transisi yang lebih pantas dengan kapasiti yang praktikal.

RUJUKAN

- Second network will make 5G more expensive, says economist | FMT, https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/07/29/second-network-will-make-5g-more-expensive-says-economist/
- DNB mungkin jadi gajah putih, perlu 'bailout' kerajaan, kata Wan Fayhsal. https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/07/29/dnb-mungkin-jadi-gajah-putih-perlu-bailout-kerajaan-kata-wan-fayhsal/

Polemik Derma Syarikat Arak Kepada Sekolah

- Isu **sumbangan syarikat arak** kepada sekolah telah mencetuskan pertikaian hangat di media sosial sejak minggu. Ia susulan kehadiran Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), **YB Datuk Aiman Athirah Sabu** dalam majlis amal di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) di Sepang.
- Semasa majlis berkenaan, Aiman Athirah dirakam memegang cek replika yang memaparkan logo arak jenama Tiger. Ia kemudian mengundang kecaman pelbagai pihak yang mempersoalkan tindakan Ahli Parlimen Sepang itu tidak sensitif terhadap **pekeliling KPM sedia ada** serta mempromosikan budaya hidup tidak sihat dalam sistem pendidikan negara.



- Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil 3, Tahun 2018 antara lainnya menyebut dengan jelas melarang sekolah menerima sumbangan daripada hasil arak, dadah, perjudian dan aktiviti seumpamanya yang boleh menjejaskan perkembangan potensi murid dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

- KPM dalam kenyataan awal menterinya, **Fadhlina Sidek**, pada 22 Julai 2024 mengatakan pihak sekolah tidak sepatutnya menerima sumbangan daripada hasil aktiviti tertentu yang dianggap boleh memberi pengaruh negatif terhadap perkembangan pelajar. Respon Fadhlina itu kemudian diherdik keras pemimpin kanan DAP, **Lim Guan Eng**.

- Menurut Guan Eng, Fadhlina tidak sepatutnya menjadi **jurucakap PAS** dalam isu ini, sebaliknya Menteri Pendidikan itu adalah menteri yang harus bercakap dan mewakili kerajaan Pakatan Harapan (PH). Kritikan tersebut turut mendapat sokongan Naib Presiden DAP, Teresa Kok dan Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke serta pemimpin-pemimpin DAP yang lain.

- Bahkan, **Parti Gerakan Rakyat Malaysia** (Gerakan) turut senada dengan DAP supaya syarikat berkaitan arak atau rokok tidak dihalang untuk memberi dana kepada sekolah aliran Cina. Menurut Presidennya, Datuk Dr. Dominic Lau mendakwa, ini kerana sekolah aliran Cina selama ini tidak diberikan dana mencukupi oleh Kerajaan Pusat untuk beroperasi.

- Sehubungan itu, melalui Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada Rabu, 24 Julai 2024, Kabinet telah mengambil pendirian **mengekalkan garis panduan** sedia ada berhubung sumbangan dana melibatkan syarikat arak kepada pihak sekolah. Ia termasuk melarang aktiviti sumbangan memapar dan mempromosi minuman keras di dalam premis sekolah.

- Keputusan tersebut disambut dengan penuh rasa kecewa Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (**Dong Zong**). Menurut Presidennya, Tan Yew Sin, meskipun keputusan kabinet kekal dalam isu ini, pihaknya memilih untuk terus bekerjasama dengan syarikat arak melainkan kerajaan bersedia menyediakan dana yang mencukupi kepada sekolah Cina.

- Tambah Tan, dalam **budaya Cina**, alkohol tidak dianggap sebagai minuman larangan atau suatu yang radikal. Justeru, menerima sumbangan daripada

syarikat arak adalah tidak menjadi kesalahan. Malahan, syarikat pengeluar arak yang memberi sumbangan ini merupakan perniagaan yang sah, berdaftar dan diiktiraf oleh kerajaan dan mereka turut membayar cukai pendapatan.

- Bagaimanapun, Pakar pendidikan, Profesor Emeritus Datuk **Dr Teo Kok Seong** berkata, isu yang berlaku ini adalah tidak wajar kerana melanggar moraliti sebagai rakyat Malaysia. Tambah beliau, kerajaan harus serius melihat perkara ini kerana ia telah lama berlaku malahan jelas merupakan kegagalan besar negara membentuk rakyat Malaysia yang baik.

- Bekas Menteri Pendidikan, **Dr. Maszlee Malik** pula dalam ulasannya berkata, membenarkan syarikat arak dipromosikan secara besar-besaran di sekolah adalah tindakan membuka 'kotak Pandora' untuk membenarkan industri tidak sihat lain dipromosikan di dalam ranah pendidikan seperti industri tembakau, industri vape, industri perjudian dan hiburan kelab malam.

- Sehubungan itu, Maszlee menganggap isu yang melibatkan **ketua Wanita Amanah Nasional**, Aiman Athirah itu sebagai suatu insiden yang memalukan serta mencadangkan beliau melepaskan jawatannya sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, serta ahli parlimen Sepang.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/677019/berita/nasional/sumbangan-syarikat-arak-kabinet-pertimbang-amalan-lama-sekolah-vernakular
- https://www.sinarharian.com.my/article/676763/berita/nasional/syarikat-arak-taja-program-sekolah-wajar-atau-tidak
- https://malaysiagazette.com/2024/07/27/jangan-halang-syarikat-arak-derma-kerana-dana-pusat-tidak-cukup-gerakan/
- Dong Zong kecewa KPM kekalkan peraturan kutip dana https://www.malaysiakini.com/news/713333

Cuaca Panas Ancam Sektor Penanaman Padi

- Taburan hujan yang rendah dijangka berterusan hingga **fasa peralihan monsun** bakal menyebabkan Malaysia berdepan cuaca lebih panas dan kering hingga pertengahan September.

- Menurut Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Muhammad Helmi Abdullah, keadaan itu berlarutan berikutan negara berada dalam musim **monsun barat daya** sejak 17 Mei lalu. Kemunculan dua ribut siklon tropika di utara Laut China Selatan iaitu Taufan Gaemi dan Ribut Tropika Prapiroon juga menyebabkan cuaca rantau negara menjadi **lebih kering** berbanding kebiasaan.

- Antara yang **teruk terjejas** ialah sektor penanaman padi, dilaporkan seluas 1,281 hektar membabitkan 6,784 pesawah di Perlis dan 29,241 hektar membabitkan 2,162 pesawah di Kerian, Perak Tengah dan Hilir Perak bakal terjejas jika situasi ini tidak ditangani segera.

- Setakat ini, kira-kira 70 pesawah di kawasan seluas 86 hektar di Kampung Semadong, Padang Besar berdepan kerugian sehingga RM130,000 berikutan sawah kering-kontang dengan keadaan tanah merekah.



- Perkara ini juga mendapat perhatian Exco Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin di mana beliau memaklumkan paras air Empangan Bukit Merah di Kerian telah telah menyusut ke paras 6.05 meter dengan status semasa Aras Henti Bekalan

Pengairan. Aras air semasa bagi Sungai Perak juga menunjukkan penurunan ketara sebanyak 1.2 meter iaitu rendah dari aras normal.

- Walaupun JPS Perak telah menghantar dan mengoperasikan **pam-pam bergerak** di kawasan yang terkesan masalah bekalan, dikhuatiri sektor penanaman padi yang memerlukan bekalan air bakal terjejas sehingga cuaca kembali normal.

- Selain itu, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dilaporkan terjejas akibat cuaca panas sejak Mac lalu dengan anggaran kerugian bernilai RM58 juta dan melibatkan sejumlah 8900 hektar sawah padi.

- Bagi menyelesaikan masalah itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengumumkan dua insentif khas bagi pesawah KADA iaitu insentif pembajakan dinaikkan daripada RM100 kepada RM160 dan insentif penuaian padi pada kadar RM50 sehektar setiap musim.


- Jika melihat kepada cara kementerian menyelesaikan masalah ini, ia lebih bersifat **menutup mulut pesawah** daripada terus membuat aduan tetapi tidaklah menyelesaikan masalah bekalan air yang berlaku. Stesen Pam Kemubu 3 KADA yang pada awalnya dijangka siap sepenuhnya pada 2024 tetapi kini ditangguh sehingga 2025 menunjukkan kerajaan tidak tuntas dalam menyelesaikan mesalah pesawah di negara ini.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/677281/berita/nasional/taburan-hujan-rendah-sebabkan-panas-kering-hingga-september---metmalaysia
- https://www.sinarharian.com.my/article/677714/edisi/perak/jelapang-padi-perak-terkesan-cuaca-kering
- https://thesun.my/cerita/berita/cuaca-panas-jejas-8900-hektar-sawah-kerugian-rm58-juta-kada-HA12562072

Liberalisasi Bekalan Elektrik: Baik atau Buruk?

- Kerajaan akan memperkenalkan **Program Pembekalan Elektrik Tenaga Boleh Baharu Korporat** atau *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) mulai September 2024. Hal ini bertujuan meningkatkan akses syarikat korporat kepada bekalan elektrik hijau.
- Program CRESS ini merupakan usaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) di bawah inisiatif *Government Renewable Energy Enhancement for Niche Sector* (**GREENS MADANI**). Melalui konsep akses grid terbuka, pihak ketiga boleh menjual atau membeli bekalan elektrik melalui sistem rangkaian grid dengan caj akses sistem yang ditetapkan.
- Sehingga kini, terdapat beberapa **mekanisme** agar syarikat boleh memenuhi komitmen elektrik hijau seperti:
    - memasang sistem solar fotovoltaik melalui Program Net Energy Metering (NEM) dan Self Consumption (SelCo);
    - membeli sijil Tenaga Boleh Baharu melalui Malaysia Green Attributes Trading System (mGATS); dan
    - melanggan Tarif Elektrik Hijau (GET).




- Pelaksanaan CRESS melibatkan beberapa entiti berikut:

Entiti	Peranan
Suruhanjaya Tenaga	Mengawal selia pelaksanaan CRESS melalui Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).
Single Buyer & Grid System Operator	Mengendali aspek penyelarasan "*access and dispatch*" dalam sistem bekalan elektrik berdasarkan ketetapan regulatori yang dipersetujui oleh Kerajaan.
Tenaga Nasional	Menyalurkan bekalan elektrik yang telah dijana dan diperlukan kepada pengguna secara konsisten, di dalam dan di luar tempoh waktu pembekalan elektrik hijau.

- Manfaat daripada program ini akan mengurangkan risiko dan kos sistem pembekalan elektrik negara serta memberikan peluang yang saksama kepada pemaju untuk bersaing secara sihat. Fokus pembangunan TBB masa depan akan beralih daripada kaedah *Power Purchase Agreement* (PPA) kepada program CRESS.

- Peningkatan permintaan terhadap tenaga hijau ini antara lain didorong oleh **pembangunan pusat data** (*data centre*) yang melibatkan pelaburan RM76 bilion dalam tempoh 3 tahun belakang ini daripada firma multinasional terkemuka.

- Malaysia mempunyai lebih 40 pusat data dengan kapasiti sekitar 150 MW dan mengambil masa 2 dekad untuk dibangunkan, namun angka itu **bakal berlipat kali ganda** sehingga 1,400MW dalam tempoh 5 ke 10 tahun akan datang. Senario ini turut didorong oleh moratorium yang diambil oleh kerajaan Singapura yang menghalang penambahan pusat data mereka.



- Benar, perkembangan ini menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, menggalakkan digitalisasi dan mencipta peluang pekerjaan. Namun, **lambakan pusat data** akan mengakibatkan penggunaan tenaga yang amat tinggi, membebaskan gas rumah hijau serta menghasilkan sisa elektronik.
- Liberalisasi bekalan elektrik hijau kepada sektor korporat seolah-olah menjadi **langkah *counterproductive*** apabila kita meningkatkan kapasiti tenaga hijau untuk kembali merosakkan alam sekitar tanpa sedar.

RUJUKAN

- Kenyataan media PETRA (26 Julai 2024) https://www.petra.gov.my/portal-main/documents/media-statement
- MIDF Research: Utility - A Step Towards Liberalisation
- Demand poser as data centre industry booms https://theedgemalaysia.com/node/688314

Perlesenan Media Sosial Bersifat Drakonian

- Tindakan kerajaan memperkenalkan **perlesenan media sosial** disifatkan sebagai langkah yang terburu-buru dan membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa serta menyekat hak kebebasan bersuara rakyat. Kerajaan telah menetapkan syarat untuk melesenkan pengoperasian media sosial bagi tujuan menangani cabaran teknologi dan jenayah siber.

- Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil ketika berucap dalam Persidangan Kawal Selia Antarabangsa (IRC) 2024 di Kuala Lumpur pada 7 Mei menyatakan bahawa undang-undang tersebut dirangka bagi meningkatkan keselamatan pengguna, memastikan platform dalam talian bertanggungajawab terhadap kandungan yang dipaparkan dan mengambil langkah melindungi pengguna daripada kandungan berbahaya seperti penderaan seksual kanak-kanak, ucapan kebencian, buli siber, penipuan dan bahan haram.

- Menurut MCMC, sekurang-kurangnya lapan (8) juta pengguna berdaftar perlu memohon Lesen Kelas Pemberian Aplikasi di bawah Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) bermula 1 Januari 2025. Pada 1 Ogos, MCMC akan menerbitkan FAQ (soalan kerap tanya) yang akan menerangkan kepada orang awam tentang kerangka dan mekanisme perlesenan tersebut.

- Pemantauan MCMC mendapati **tahap pematuhan** platform media sosial di Malaysia berbeza mengikut tahap kepantasan dan kepatuhan pengendali perkhidmatan media sosial. Instagram mencatatkan kadar pematuhan tertinggi sebanyak 88 peratus diikuti Facebook (85 peratus), WhatsApp (79 peratus), Telegram (76 peratus) dan X atau nama sebelum ini dikenali sebagai Twitter mencatatkan kadar pematuhan terendah (25 peratus).

- Undang-undang drakonian dilihat sebagai satu punca kuasa untuk kerajaan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pengguna media sosial yang **mengkritik kerajaan**. Sekali gus memberi kelebihan

kepada kerajaan untuk mengawal pemikiran dan kelakuan pengguna media sosial di Malaysia.

- Malah, tindakan kerajaan ini dibantah oleh **Centre for Independent Journalism** (CIJ). CIJ mencadangkan kerajaan mewujudkan satu majlis media sosial untuk mendapatkan nasihat daripada pihak berkepentingan termasuk menilai peraturan yang inklusif bagi menangani buli siber dan penyalahgunaan platform media sosial.

- Kedudukan Malaysia dalam **Indeks Kebebasan Media** Dunia 2024 yang telah menurun sebanyak 34 anak tangga dengan 52.07 mana berbanding tahun sebelumnya menunjukkan bahawa kerajaan Madani tidak konsisten dalam memperkasa hak kebebasan bersuara rakyat. Penurunan kedudukan ini disebabkan tindakan kerajaan menyekat hantaran atau perkongsian yang menyentuh 3R dan kritikan terhadap kerajaan.


- Setiap warganegara Malaysia mempunyai hak dan **kebebasan untuk mengeluarkan pendapat** atau buah fikiran mereka selagi mana ia tidak menyentuh isu-isu sensitif selaras dengan Perkara 10(4). Selain itu, Malaysia juga telah memperkenalkan perlbagai akta bagi mengawal dan memantau kebebasan bersuara rakyat sewaktu pemerintahan Barisan Nasional antaranya Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, serta Akta Multimedia 1998.

- Dalam konteks kebebasan bersuara, kerajaan perlu bersedia dengan ledakan alam maya terutamanya melalui media sosial yang menyebabkan wujudnya pelbagai spektrum pemikiran seperti pempengaruh, laskar siber, rakyat, NGO dan parti politik.

- Sekiranya terdapat mana-mana individu atau organisasi yang berani mengganggu-gugat ketenteraman awam dan mencetuskan perpecahan melalui media sosial, dakwa mereka melalui undang-undang sedia ada tanpa perlu mewujudkan undang-undang baharu.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/713683
- https://www.sinarharian.com.my/article/677743/berita/nasional/lesen-media-sosial-proses-undang-undang-perlu-telus-adil
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1277010/perkhidmatan-media-sosial-pesanan-internet-akan-dilesenkan-mcmc



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**